

'Peluang orang muda tunjuk kebolehan'

JOHOR BAHRU, Khamis — Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin muda menunjukkan kebolehan dan ketokohan mereka selepas dilantik dalam barisan pemimpin kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam lewat petang ini menjelaskan: "Inilah sistem yang diamalkan oleh Umno, Perikatan dan kini Barisan Nasional."

Beliau mengulas rombakan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, ketika berucap dalam majlis anjuran Umno Ba-

hagian Johor Bahru di sini.

Menurut beliau, walaupun pengumuman rombakan Kabinet itu mengghairahkan beberapa pihak, tetapi yang penting ialah, apabila seseorang itu diberi kepercayaan dan tanggungjawab, dia harus menunjukkan ketokohan masing-masing.

Datuk Musa menjelaskan, rombakan Kabinet itu membuktikan bahawa Umno khususnya dan Barisan Nasional umumnya adalah parti politik yang dapat mengenalpasti antara ahli-ahlinya yang boleh dilantik dalam kerajaan.

"Kita beri peluang ke-

pada muka-muka baru untuk menunjukkan kebolehan mereka bagi kepentingan parti dan negara. Mereka yang dilantik itu akan diberi pendedahan dan akan terus dibimbing.

"Dan kita percaya, proses pemilihan dan perantukan atau dengan lain-lain perkataan, sistem penukaran dan pemilihan secara terbuka ini dapat dikedalkan," katanya.

Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, Umno khususnya bukanlah parti yang para pemimpinnya selepas berjuang mencapai kemerdekaan negara, bersikap membolot kuasa untuk kepentingan peribadi.